



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 2/2023**

---

**SEMAKAN SEMULA KADAR BAYARAN PREMIUM DI ATAS KELULUSAN  
PERMOHONAN MENUKAR SYARAT NYATA TANAH DALAM KATEGORI  
PERTANIAN DI BAWAH SEKSYEN 124(1) KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai kadar bayaran premium di atas kelulusan permohonan menukar syarat nyata tanah dalam kategori pertanian di bawah seksyen 124(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828)(KTN).

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Pada masa kini kaedah bayaran premium di atas kelulusan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di bawah seksyen 76 KTN dan pembangunan tanah di bawah seksyen 124, 124A, 204D, dan 197 & 76 KTN adalah mengikut sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan Bil 9/2014.
- 2.2. Kadar bayaran premium di atas kelulusan permohonan menukar syarat nyata tanah dalam kategori pertanian di bawah seksyen 124(1) KTN

adalah antara kadar premium yang ditetapkan di dalam pekeliling tersebut iaitu pada kadar nominal RM 500.00 bagi setiap lot.

- 2.3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 2 November 2022 (KM.No: 2849/2022) telah mengambil keputusan bersetuju menetapkan kadar bayaran premium di atas kelulusan menukar syarat nyata tanah dalam kategori pertanian sebanyak **RM 100.00 seekar**.

### 3. PELAKSANAAN

- 3.1 Kadar bayaran premium di atas kelulusan **permohonan penukaran syarat nyata tanah dalam kategori pertanian** di bawah seksyen 124(1) KTN atau kelulusan pembangunan tanah yang lain di bawah seksyen 124A, 204A-H dan 197 & 76 KTN yang menyebabkan berlakunya **penukaran syarat nyata tanah dalam kategori pertanian** adalah **RM 100.00 seekar**.
- 3.2. Kadar bayaran premium di atas kelulusan **permohonan pembangunan tanah** di bawah seksyen 124A, 204A-H dan 197 & 76 KTN, yang melibatkan **pengekalan syarat nyata dalam kategori pertanian** adalah kekal pada kadar **nominal RM 500.00 bagi setiap lot**.
- 3.3. **Dikecualikan** bayaran premium di atas kelulusan **permohonan meletak kategori dan syarat nyata tanah dalam kategori pertanian** di bawah seksyen 124(1) KTN atau kelulusan pembangunan tanah yang lain di bawah seksyen 124A, 204A-H dan 197 & 76 KTN yang menyebabkan berlakunya **meletak kategori dan syarat nyata tanah dalam kategori pertanian** selaras dengan Arahan PTGNS Bil 1/2008.

#### **4. Pemakaian Dan Tarikh Kuatkuasa**

- 4.1. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan Bil 9/2014.
- 4.2. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



**( AMINO AGOS BIN SUYUB )**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 30 Januari 2023

Rujukan : Bil (53) dlm.PTGNS 10/14 klt.5